

17 SEP 1997

Mahathir-Pelancongan

KERAJAAN IKTIKRAF SUMBANGAN SEKTOR SWASTA KEPADA PELANCONGAN

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kerajaan mengiktiraf sumbangan sektor swasta dalam membangunkan sektor pelancongan dengan pelaksanaan banyak projek mereka yang berkaitan pelancongan.

Perdana Menteri berkata dalam usaha kerajaan menggalakkan sektor swasta untuk menyumbang kepada pembangunan negara, dasar-dasar yang pragmatik telah digubal untuk menyokong projek-projek besar berkaitan pelancongan yang dimulakan oleh syarikat-syarikat swasta.

"Kita mengiktiraf sumbangan mereka dan kita menggalakkan sektor swasta dengan memberikan banyak insentif dan pensijilan dan kelulusan dari Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan," katanya pada perasmian pembukaan Sunway Lagoon Resort Hotel berharga RM320 juta di Petaling Jaya, dekat sini.

Di samping itu, beliau berkata kerajaan juga bersedia untuk memberikan insentif seperti Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Galakan Pelaburan (1986), yang akan mengurangkan kesan daripada kesulitan awal yang berbangkit daripada projek-projek itu dalam peringkat awal operasi mereka.

Insentif itu telah dilanjutkan kepada Sunway Lagoon Resort Hotel yang mempunyai 439 bilik itu, yang menurutnya telah mendapat manfaat daripada bantuan kerajaan itu.

Dr Mahathir berkata industri pelancongan merupakan penyumbang tukaran asing kedua terbesar negara yang telah mencetuskan kesan keluaran sampingan yang lain.

Beliau berkata selain menarik pelancong, kerajaan juga berharap Malaysia akan lebih dikenali sebagai tempat konvensyen dan pameran bertaraf dunia.

Dr Mahathir, yang kagum dengan keindahan resort itu, berkata hotel dan Sunway City mungkin pada satu hari nanti dimasukkan ke dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) kerana Sunway City terpisah dari MSC hanya oleh Lebuhraya Ekspres Shah Alam yang baru.

"Resort itu berada dalam lokasi yang strategik kerana ia berhampiran pusat-pusat pertumbuhan baru seperti Perkampungan Sukan Komanwel, pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru di Sepang," katanya.

Beliau berkata pusat-pusat pertumbuhan itu dihubungkan ke Subang dan Bandar Sunway menerusi satu rangkaian lebuhraya, keretapi elektrik, monorel yang sedang dibina oleh sektor swasta di sekeliling Bandar Sunway.

"Kesemua infrastruktur ini akan memudahkan orang ramai untuk pergi ke pelbagai tempat itu, dan dengan itu memastikan bahawa kesemua lokasi strategik ini dihubungkan dengan MSC," katanya.

Dr Mahathir yakin resort ini dapat memainkan peranan penting dalam menarik pelawat dan pelabur tempatan dan antarabangsa ke rantau ini. --  
BERNAMA

ARA AKD